

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** sama ada Kerajaan telah pun memutuskan untuk menyegerakan pemberian vaksin kepada tahanan-tahanan dalam penjara dan depot-depot tahanan dan sekiranya ya, bilakah ia akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan mengambil maklum dan mengesahkan bahawa pemberian vaksin kepada tahanan seperti di penjara dan depot imigresen telah dijalankan oleh petugas kesihatan dari Pejabat Kesihatan Daerah masing-masing.

Penjara

Terdapat sebanyak 42 buah penjara di Malaysia. Pemberian vaksin COVID-19 telah diberi kepada tahanan secara berperingkat di penjara bermula dari bulan September 2021. Sehingga 16 November 2021, sebanyak 47,748 orang tahanan yang terdiri dari warganegara dan bukan warganegara, telah diberi lengkap diberikan vaksin COVID-19.

Depot Imigresen

Terdapat sebanyak 21 buah depot imigresen di Malaysia iaitu 15 di Semenanjung, 2 di Sarawak dan 4 di Sabah.

2. Hampir keseluruhan tahanan di depo imigresen telah diberi sekurang-kurangnya suntikan dos pertama vaksin kecuali beberapa depo imigresen di Sabah, iaitu di Depot Imigresen Tawau, Depot Imigresen Sandakan dan Depot Imigresen Kota Kinabalu.

3. Pemberian vaksin dos pertama di Depot Imigresen Bekenu, Sarawak telah bermula pada 27 Julai 2021 yang melibatkan 393 orang tahanan, manakala pemberian dos kedua pula pada 17 Ogos 2021 yang melibatkan seramai 377 orang tahanan.

4. Jumlah kumulatif tahanan di depo imigresen yang telah mendapat suntikan dos pertama adalah seramai 112,324 orang dan seramai 3,379 orang telah mendapat dos kedua (data sehingga 11 Oktober 2021).

Sekian, terima kasih.